

CNS3468

R GB15-11 00160 RH287

aab

MALAYSIA KAJI TRWARAN PERSENJATAAN SOVIET

Mahathir-Soviet.

LANGKAWI, 15 Nov (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji tawaran pakej peralatan pertahanan termasuk pesawat pejuang sofistikated dari Soviet Union, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Kita kena ka ji untuk mengetahui-apa yang sesuai bagi kita, kalau kepentingan kita secocok dengan tawaran mereka, apa salahnya, + kata Perdana Menteri ketika menjawab soalan pemberita pada persidangan akhbar di Pameran, Antarabangsa Udara dan Laut Langkawi (LIMA '91) di sini.

Beliau berkata peralatan pertahanan boleh diperolehi daripada mana-mana negara termasuk Soviet Union.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Soviet bukan komunis lagi halkan mereka pakai bendera Russia, bukan bendera Komunis (pada pameran ini). Soviet Union baru-baru ini menawarkan penjualan pakej peralatan, tentera kepada Malaysia termasuk pesawat, sofistikated dan pemindahan teknologi.

Timbalan Menteri Pertahanan Soviet, Kol-Jen Pyotz Deinikin, yang juga Panglima Tentera Udara Soviet, telah mengadakan perjumpaan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Selasa lepas. -- Lagi

♥15/11/14-50MST

CNS3471

R GB15-11 003.84 BH288

aab

Mahathir - Soviet 2 Langkawi

Soviet Union diwakilipeserta terbesar pada pameran LIMA '91 yang melibatkan kira-kira 150 syarikat dan agen dari 15 negara termasuk Amerika Syarikat, Britain dan Perancis.

Perdana Menteri berkata peralatan Soviet mungkin kelihatan +kasar sedikit dan tidak cantik + dari segi pembuatan tetapi ia mempunyai kemampuan dan prestasi yang setanding atau lebih baik daripada peralatan dari negara barat.

Memberi contoh, beliau berkata, pesawat pejuang Sukhoi Su-27 telah dilihat mempunyai prestasi yang lebih baik daripada pesawat lain seperti mempunyai kemampuan untuk terbang menggunakan jarak landasan yang dekat sebelum membuat pertunjukan penerbangan taktikal yang mengagumkan.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan perlu melihat keperluan pertahanan negara dan kemampuan kewangan sebelum membuat keputusan.

Sebagai contoh, kata Datuk Seri Dr Mahathir, kerajaan memilih pesawat pejuang ringan BAe Hawk dari Britain pada tahun lepas daripada membeli pesawat Tornado yang lebih besar tetapi harga untuk satu skuadron sahaja melebihi \$5,000 juta.

Pada Disember tahun lepas Kerajaan telah menempah 10 jenis Hawk-100 dan 18 Hawk-200 daripada syarikat British Aerospace (BAe) dengan harga \$2,000 juta. -- Lagi

♥15/11/14-58MST

CNS3512

R GR 15-11 00159 BH289

aab

Mahathir - Soviet, 3 Langkawi

+Kita bukan hendak perang dengan orang, kita cuma mementingkan pertahanan negara walaupun jiran-jiran kita mempunyai peralatan yang sofisticated seperti pejuang F-16 Fighting Falcon,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Sementara itu, pada persidangan akhbar berasingan di kawasan pameran peralatan penerbangan, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tawaran persenjataan Soviet itu dibuat semasa lawatan beliau ke Soviet Won pada Oktober lepas dan juga semasa perjumpaan beliau dengan Kol-Jen Deinikin pada LTMA '91.

Soviet Union telah membawa pesawat pejuang Mikoyan MiG-29 dan Sukhoi Su-27, helikopter Mi-17 dan Kamov Ka-32, dan pesawat pengangkut Ilyushin IL-76 dan Antonov An-124, pesawat pengangkut yang kedua terbesar di dunia pada pameran lima hari yang berakhir hari ini.

Datuk Seri Najib berkata: +Kita akan menghantar satu pasukan teknikal ke Soviet Union tidak lama lagi untuk mengkaji secara mendalam kesesuaian peralatan seperti pesawat-pesawat yang dibawa ke pameran ini.+ -- Lagi.

♥15/11/15-57MST

CNS3518

R GB 15-11 00171 BH290

aab

Mahathir - Soviet 4 (Akhir) Langkawi

Penerbang pakar Tentera Udara Diraja Malaysia perlu terbang dalam pesawat Soviet itu untuk melihat keupayaan kelajuan atau kepintaran kapal terbang itu di udara dan juga keupayaan dalam keadaan perang, katanya.

Walaupun harga peralatan Soviet dikatakan lebih murah daripada peralatan yang sama daripada negara barat, Datuk Seri Najib berkata, harga lsanya merupakan satu faktor kerana keupayaan teknologi dan penyenggaraan termasuk alat ganti perlu dikaji seperti mana tawaran daripada negara Barat dikaji.

Antara pesawat yang ditawarkan ialah pejuang Mikoyan MiG-29, helikopter Kamov Ka-32 dan Penerbangan Malaysia (MAS) sedang mengkaji kemungkinan menggunakan pesawat pengangkut gergasi Antonov-124 untuk kegunaan pengangkutan sewaan, kata beliau.

Datuk Seri Najib berkata: +Ini tidak bermakna kita tidak akan membeli peralatan daripada negara Barat, kita perlu mempunyai sumber-sumber alternatif dan kita perlu mempunyai sikap terbuka.+ --

Pada tahun 80-an Soviet Union pernah menawarkan helikopter jenis berat dan sederhana untuk kegunaan TUDM tetapi kerajaan telah memutuskan supaya ia tidak dibeli setelah kajian dilakukan. -- Bernama.

♥15/11/16-03MST